

Pendekatan kreatif dalam dakwah



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Parlimen, Sir Frederick Seager untuk beberapa tahun.

Pada 1892, beliau menjadikan bidang Kejuruteraan Awam sebagai kerjaya.

Beliau mengambil bidang itu di King's College, London dan pernah dua kali dianugerahkan Bessemer Premium daripada Society of Engineers dan juga Pingat Perak daripada Royal Scottish Society of Arts dan Institut Jurutera Awam Ireland.

Ketika bertugas di India, beliau dapat berhubung dengan orang Islam dan di sana beliau mengenali Islam secara lebih dekat.

Beliau menerima Islam pada 16 November 1913 dan melafazkan dua kalimah syahadah pada usia 58 tahun.

Tahun berikutnya, beliau menubuhkan British Muslim Society dan pernah menjadi presidennya.

Lord Headley berjaya menyampaikan Islam kepada golongan atasan dengan membiasakan masyarakat berkaitan Islam supaya Islam tidak terlalu asing kepada mereka.

Dalam satu dokumentari bertajuk **History of Islam in The UK** diterbitkan Perbadanan Penyiaran British (BBC), menyiarkan seorang wanita Inggeris dijemput untuk menyaksikan orang Islam menunaikan solat secara berjemaah di satu kawasan terbuka.

Selesai solat, mereka dapat bergaul dan berinteraksi bagi membolehkan wanita itu bertanya hal berkaitan

Islam selain diselitkan kebudayaan Inggeris.

Pendekatan Lord Headley yang amat kreatif dan inovatif menjalankan kerja dakwah kepada masyarakat di sana ketika itu amat berkesan sekali.

Kombinasi budaya Inggeris dengan nilai Islam dalam melakukan kerja dakwah dapat memecahkan sikap permusuhan orang Inggeris terhadap Islam.

Beliau berusaha sedaya upaya memperkenalkan Islam kepada umum dan mahukan Islam dilihat sebagai agama yang sesuai untuk semua bangsa termasuk orang British serta memecahkan sikap prejudis ke atas Islam..

Lord Headley turut menulis beberapa buku antaranya **A Western Awakening to Islam** (1914).

Buku itu antara lain memperkenalkan Islam sebagai agama keamanan, kedudukan wanita dalam Islam dan cara menunaikan solat.

Beliau juga menulis buku bertajuk **Three Great Prophets of the World – Moses, Jesus and Muhammad** (1923) dan **The Affinity between the Original Church of Jesus Christ and Islam** (1926).

Selain itu, beliau turut menyumbangkan beberapa artikel dalam majalah bulanan **Islamic Review**.

Beliau mengerjakan haji pada 1923 dan amat komited dengan usaha dakwah selain berusaha mendapatkan dana bagi membina sebuah masjid di Kota London.

Bagi tujuan pembinaan

masjid itu, sebidang tanah di West Kensington berjaya diperoleh. Bagaimanapun beliau tidak sempat merealisasikannya.

Lord Headley meninggal dunia pada usia 80 tahun pada 22 Jun 1935 dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Brookland di Surrey, London.

Sebagai seorang ahli bangsawan, Lord Headley bergaul dengan golongan bangsawan dan keluarga diraja England.

Dalam ucapannya dalam sebuah majlis makan malam, beliau memberikan syarahan dan memperkenalkan kehidupan Nabi Muhammad SAW kepada tetamu yang hadir yang rata-rata terlalu asing dengan agama Islam.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)

Seorang lagi tokoh Inggeris Muslim yang sangat berjasa kepada Islam di Britain ialah Baron Headley ke-5 iaitu Sir Rowland George Allanson-Winn.

Beliau dilahirkan di London pada 19 Januari 1855. Mendapat pendidikan di Westminster School, London sebelum menyambung pengajian di Trinity College, Cambridge dengan mengambil kursus Matematik.

Selepas meninggalkan kolej, beliau berkecimpung dalam dunia pendidikan dan kemudiannya bertugas sebagai Editor **Salisbury and Winchester Journal**, Winchester.

Pernah menjadi Setiausaha kepada Ahli